

**Soalan Lazim Berkaitan Pengoperasian Pejabat Kerajaan  
Dalam Tempoh Pelan Pemulihan Negara**

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
<b>Kehadiran Pegawai</b>		
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan peratusan maksimum kehadiran di pejabat?	<p>Kehadiran maksimum di pejabat adalah merujuk kepada keberadaan pegawai secara fizikal di pejabat dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan secara keseluruhan dalam Kementerian/Agensi berdasarkan peratusan yang ditetapkan.</p> <p>Ketua Jabatan diberi kuasa untuk menentukan keperluan pegawai yang hadir di pejabat tidak melebihi peratusan yang dibenarkan mengikut fasa yang berkuatkuasa di Kawasan berkaitan.</p>
2.	Bolehkah penggiliran kehadiran ke pejabat dan BDR dilakukan?	<p>Boleh, penggiliran pegawai adalah digalakkan samada secara harian atau mingguan atau apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.</p> <p>Antara contoh kriteria bagi penggiliran yang boleh disandarkan oleh Ketua Jabatan adalah seperti contoh berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin;</li> <li>b. Bukan golongan yang berisiko tinggi dalam aspek kesihatan; dan</li> <li>c. Masalah penjagaan anak</li> </ul>
3.	Bagaimana menentukan keperluan pegawai yang perlu hadir terutama bagi kawasan yang masih dalam Fasa 1 dan 2 PPN?	Ketua Jabatan hendaklah menentukan bilangan pegawai yang hadir berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan Kementerian/Agensi untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang optimum tidak terganggu.

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
		<p>Keutamaan pegawai yang perlu hadir ke pejabat terutama dalam Fasa 1 dan 2 PPN adalah bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR seperti contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Proses kewangan;</li> <li>b. Penyediaan dokumen bagi Mesyuarat Jemaah Menteri;</li> <li>c. Penyelenggaraan premis; dan</li> <li>d. Pengurusan teknikal IT</li> </ul>
<b>Waktu Bekerja</b>		
4.	<p>Apakah waktu bekerja yang ditetapkan dalam tempoh Fasa PPN ini?</p> <p>Terutama apabila taska dan sekolah masih belum dibuka sepenuhnya</p>	<p>Waktu bekerja adalah seperti waktu bekerja rasmi yang dinyatakan samada Waktu Bekerja Flexi (7.30 pagi-6.00petang) atau apa-apa waktu yang ditetapkan sekiranya sistem waktu syif digunakan bagi pejabat berkaitan.</p> <p>Namun begitu, Ketua Jabatan boleh menentukan tempoh keberadaan pegawai di pejabat tidak terikat dengan waktu pejabat yang rasmi.</p> <p>Sekiranya pegawai telah menyempurnakan tugas yang perlu keberadaan di pejabat, Ketua Jabatan boleh mengarahkan untuk BDR bagi baki waktu bekerja yang ditetapkan.</p> <p>Sebagai contoh:</p> <p>Pegawai dikehendaki untuk ke pejabat pada jam 9 pagi dan selesai melaksanakan tugas yang perlu keberadaan di pejabat pada jam 12 tengahari, Ketua Jabatan boleh membenarkan pegawai untuk melaksanakan tugas secara BDR bagi tempoh sehingga pukul 6 petang.</p>

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
		Ini mengambil kira keadaan di mana pusat jagaan, taska dan sekolah belum dibuka sepenuhnya.
<b>Bekerja Dari Rumah</b>		
5.	Bagaimanakah tatacara bagi pelaksanaan BDR?	<p>Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan kepada Pekeliling Bilangan 5 Tahun 2020 – Dasar Bekerja Dari Rumah.</p> <p>Ketua Jabatan dan pegawai perlu memastikan garis panduan BDR dipatuhi sewajarnya.</p>
6.	Bolehkah membawa pulang dokumen rasmi bagi pelaksanaan BDR?	Dokumen rasmi Kerajaan boleh dibawa pulang untuk tujuan pelaksanaan tugas secara BDR dan perlu mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) pada 27 Oktober 2020 – Garis Panduan Membawa Dokumen Atau Maklumat Rahsia Rasmi Keluar Dari Pejabat Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
7.	Bolehkah saya menjalankan urusan peribadi semasa dalam tempoh BDR?	Penjawat awam <b>dilarang</b> untuk menjalankan urusan peribadi semasa waktu pejabat tanpa kebenaran Ketua Jabatan.
<b>Perkhidmatan Kaunter</b>		
8.	Adakah Perkhidmatan Kaunter dibuka sepenuhnya?	Perkhidmatan Kaunter dibuka sepenuhnya dengan kapasiti yang telah ditetapkan mengikut Fasa PPN.
9.	Bolehkah pelanggan hadir ke kaunter tanpa temujanji	<p>Bagi Fasa 1 dan 2, Perkhidmatan Kaunter adalah secara temujanji.</p> <p>Manakala kehadiran tanpa temujanji hanya dibenarkan pada Fasa 3 dan 4 PPN.</p>

(Kemaskini pada 24 Julai 2021)